

Pasukan bola tampar UKM mahu kekal momentum



Foto: Ehsan UKM

Sebahagian atlet yang menyertai SUKIPT 2018.

Pasukan bola tampar lelaki UKM dinobatkan pasukan lelaki terbaik SUKIPT 2018

AHMAD ISMADI ISMAIL

Pasukan bola tampar lelaki, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah dinobatkan sebagai pasukan lelaki terbaik Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018, baru-baru ini.

Pasukan yang diketuai oleh Mohd Aizat Mohd Zokri merupakan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan telah memenangi pingat emas selepas menewaskan pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan agregat 3-1.

Mohd Aizat berkata kejayaan itu adalah kerjasama dan semangat berpasukan yang tinggi yang ditonjolkan oleh pasukannya sepanjang SUKIPT berlangsung.

"Kami lebih meningkatkan kualiti latihan berbanding kemenangan kerana kami berpegang bahawa jika berlatih dengan bersungguh-sungguh, kemenangan itu akan datang kemudian," katanya.

Menurut laporan portal UKM, pasukan bola tampar Universiti berkenaan akan terus menempa kejayaan demi kejayaan kerana pasukan itu memiliki pemain bertaraf

nasional.

Mohd Aizat memaklumkan, pasukannya mempunyai tiga hingga empat pemain yang telah mewakili Negara dalam Sukan SEA pada tahun lalu.

"Jadi, saya yakin pasukan kami mempunyai masa depan yang cerah untuk menaikkan lagi nama UKM dipersada sukan negara.

"Saya berharap pasukan bola tampar UKM akan terus mengekalkan momentum dan sentiasa menunjukkan prestasi cemerlang," katanya.